



## MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI

### TEKS UCAPAN

YBHG. DATO' SR HAJI ROZALI BIN HAJI MOHAMUD  
**DATUK BANDAR**  
**MAJLIS BANDARAYA SEBERANG PERAI**

### SEMPENA

MAJLIS PERASMIAN PROGRAM PUSKIDZANIA

TARIKH / MASA / TEMPAT  
**5 OKTOBER 2019 (SABTU)**  
**8.45 PAGI**

**PUSAT SERVIS KENDERAAN BERAT (PUSKEB)**

**MAK MANDIN, BUTTERWORTH**

**Terima kasih Saudara / Saudari Pengacara Majlis**

**Yang Dihormati Ahli Majlis- Ahli Majlis**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Puan Ir Hjh Rosnani Binti Haji Mahmud**  
Setiausaha Bandaraya MPSP

**Ketua – Ketua Jabatan dan Penolong Pengarah**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Pegawai-Pegawai Kanan**  
Majlis Bandaraya Seberang Perai

**Pensyarah dan guru-guru**

**Anak-anak**

**Rakan - rakan Media**

**Seluruh Kakitangan MPSP**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian**

---

Assalamualaikum warahmatullahhiwabarakatuh,

Selamat pagi dan salam sejahtera,

Alhamdullilah, pagi ini saya rasa amat bertuah kerana walaupun hari Sabtu iaitu hari cuti tetapi kita semua masih menganjurkan program-program untuk rakyat bagi setiap lapisan masyarakat. Syabas dan tahniah kepada Jabatan Kejuruteraan yang diterajui oleh Encik Baderol Amin sebagai pengarah dan semua kakitangan beliau di Pusat Servis Kenderaan Berat (PUSKEB) di Mak Mandin ini.

Untuk makluman tuan-tuan dan puan-puan, PUSKEB ini merupakan satu-satunya bengkel atau Pusat Pembaikan dan Servis kenderaan milik Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP). Jumlah kenderaan MBSP adalah sebanyak 403 unit kenderaan yang terdiri daripada *backhoe*, *skylift*, *towing*, *ro-ro*, *road sweeper*, *water jatter*, motosikal elektrik, lori bomba (Jalur Merah) dan 75 unit kompaktor. Sebanyak 70% pembaikan dan juga servis dibuat secara dalaman dan selebihnya MBSP outsource. Untuk makluman, cabaran yang paling besar bagi kakitangan saya di PUSKEB ialah membuat penyelenggaraan dan servis lori-lori sampah. Dengan kecekapan wira PUSKEB saya, servis dan perkhidmatan MBSP kepada rakyat tidak pernah terganggu. Ini kerana KPI Majlis adalah memastikan semua lori sampah kita akan berada di atas jalan menjalankan operasi dengan cemerlang bagi kepuasan hati semua pihak. Begitu juga kenderaan yang melibatkan aktiviti penguatkuasaan.

Di PUSKEB, MBSP mempunyai seramai 40 orang kakitangan yang terdiri daripada mekanik, jurugegas, yang diketuai oleh Penolong Jurutera Kanan. Ke semua kakitangan ini diuruskan oleh seorang Penolong Pengarah Mekanikal di bawah Jabatan Pengangkutan MBSP. Di samping membuat pembaikan dan juga servis, PUSKEB ini juga menyediakan latihan pemanduan, latihan kompetensi jurugegas dan latihan kompetensi mekanik.

**Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

MBSP komited untuk membawa perubahan kepada rakyat setelah dinaiktaraf menjadi bandaraya supaya semua rakyat Seberang Perai dapat menikmatinya. Antara komitmen MBSP ialah untuk menjadi bandaraya yang seiring dengan *Penang 2030 “A Family – Focused Green and Smart State That Inspires The Nation”*, komited untuk menjadi sebuah bandaraya berteraskan pembangunan rendah karbon, sebuah bandaraya berdaya tahan, bandaraya yang inklusif, saksama dan pembangunan berpaksikan rakyat serta Seberang Perai komited untuk menjadi sebuah bandaraya yang kompetitif dan pintar.

Bagi menyokong *Penang2030 A Family-Focused, Green and Smart State that Inspires The Nation dalam tema C “Empower People To Strengthen Civic Participation”* dan juga melihat kepada aspek keterangkuman gender, MBSP telah berjaya mewujudkan satu program bagi penglibatan anak-anak muda dan kanak-kanak yang diberi nama Puskidzania. Kebiasaanya, saya hadir memberikan ucapan kepada majoriti program-program yang melibatkan golongan dewasa, orang-orang tua, golongan OKU dan pada hari ini saya melihat penglibatan kanak-kanak,

remaja sekolah, guru-guru dan pensyarah daripada pelbagai lapisan masyarakat.

**Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Puskidzania merupakan satu ilham kreativiti daripada Jabatan Kejuruteraan. Melalui program ini, tuan-tuan dan puan-puan serta anak-anak dapat mengenali kenderaan atau jentera-jentera operasi MBSP, simulasi kenderaan berat di PUSKEB, pendedahan kepada pelajar tentang kejuruteraan mekanikal, melihat cara kerja jurugegas dalam pengendalian kerosakan jentera dan kenderaan berat seliaan MBSP. Pada hari ini, sebanyak sembilan (9) jenis kenderaan berat milik MBSP akan dipamerkan yang terdiri daripada *backhoe*, *skylift*, *towing*, *ro-ro*, *road sweeper*, *water jatter*, motosikal elektrik, lori bomba (Jalur Merah) dan kompaktor. Sebanyak 137 buah dipamerkan meliputi pelbagai jenis dan semua pelajar dan kanak-kanak akan diberi peluang untuk berselfie, wefie atau memperolehi sendiri pengalaman memandu kenderaan berat.

Di samping itu, akan diadakan taklimat keselamatan bengkel oleh MBSP kepada peserta dan tuan-tuan dan puan-puan serta pelajar-pelajar dapat melawat ke booth pameran peralatan pembaikan kenderaan yang telah disediakan. Terima kasih kepada Syarikat Multico.Sdn.Bhd., Syarikat Isuzu Sdn.Bhd, Syarikat Pardus Sdn. Bhd. dan Nissan Edaran Tan Chong Motor Sdn.Bhd.

**Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

Walau bagaimanapun usaha kita, MBSP tidak pernah ketinggalan dalam isu-isu kualiti dan penjaan alam sekitar. Segala sisa buangan adalah mengikut sisa buangan terjadual dan menepati semua sistem kualiti yang ditetapkan terutama Sistem Pengurusan Kualiti Alam Sekitar (EMS) ISO 14001:2015. MBSP mempunyai pegawai yang kompeten dalam memastikan semua aspek kualiti dipatuhi dengan standard yang telah ditetapkan.

MBSP merupakan sebuah organisasi berorientasikan rakyat atau “*People Centric Organisation*” dan telah mengisyiharkan Bajet MBSP 2019 bertemakan *People Centric Budget*. MPSP memperkasakan rakyat dengan menggalakkan masyarakat untuk membuat keputusan dalam program-program pembangunan. MPSP mengukuhkan masyarakat sivil dengan mengadakan program yang menggalakkan perubahan tingkah laku, sikap dan gaya hidup dan seterusnya berusaha ke arah kehidupan yang mampan. Misi MPSP adalah untuk menyediakan perkhidmatan perbandaran, perancangan pembangunan dan infrastruktur yang cekap, berkesan dan responsive kepada kehendak komuniti Seberang Perai.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan sekali lagi syabas dan tahniah kepada Jabatan Kejuruteraan, PUSKEB, Syarikat-syarikat swasta, Politeknik Seberang Perai, sekolah-sekolah dan semua yang hadir kerana berjaya menjayakan program Puskidzania ini. Terima kasih juga kepada Ahli-ahli Majlis MBSP, Puan Setiausaha Perbandaran, Ketua-ketua jabatan dan kakitangan semua kerana sentiasa memikirkan dan memberikan yang terbaik untuk rakyat. Oleh itu saya berharap kerjasama seperti ini dapat dikukuhkan lagi bagi memberikan perkhidmatan yang terbaik untuk rakyat bagi mencapai **“Seberang Perai Aspirasi Bandar Masa Hadapan” atau “Seberang Perai Aspiring City Of Tomorrow”**.

Dengan ucapan Bismillahirrahmanarrahim..saya merasmikan Program Puskidzania Majlis Bandaraya Seberang Perai.

**Sekian,**

**Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamualaikum**

**Warahmatullahi Wabarakatuh.**

**Terima kasih.**

